

SOALAN NO. : 43

DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]

SOALAN

Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar** menyatakan harimau merupakan suatu simbol kegagahan dan kebanggaan bagi Negara kita. Sejak kebelakangan ini, habitat harimau berkurangan akibat pembukaan hutan yang menyebabkan populasi harimau terjejas. Mohon pihak Kerajaan untuk menyatakan berapakah keluasan habitat Harimau dan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memulihara spesies ini untuk generasi akan datang.

118

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sentiasa komited dalam melindungi Harimau Malaya daripada kepupusan.

Aktiviti konservasi Harimau Malaya di pelbagai landskap hutan berdepan dengan cabaran seperti kehilangan habitat dan fragmentasi hutan akibat perubahan guna tanah serta pemburuan haram untuk tujuan komersil yang merupakan ancaman utama kepada Harimau Malaya.

Dianggarkan hampir 50,000 km² hutan di Semenanjung Malaysia diperlukan bagi menampung 1,000 ekor Harimau Malaya. Sehingga kini di Malaysia terdapat hampir 6,000 km² (600,000 ha) kawasan perlindungan yang merupakan habitat yang penting serta diiktiraf diperingkat global bagi pemuliharaan harimau. Kawasan perlindungan tersebut adalah Taman Negara di Pahang, Kelantan dan Terengganu (434,300 ha), Taman Negeri Belum di Perak (117,500 ha) dan Taman Negara Endau Rompin di Johor (48,000 ha).

Kementerian menyedari bahawa Kawasan Perlindungan yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung kawasan hidupan liar terutamanya spesies seperti harimau. Ia memerlukan kawasan hutan yang luas untuk berkeliaran bagi mencari makanan, mendapatkan perlindungan serta membiak. Sehubungan itu bagi memastikan habitat hidupan liar yang mencukupi, Kerajaan telah mengambil inisiatif melalui pelaksanaan Pelan

Induk *Central Forest Spine* (CFS) dan Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Belang Kebangsaan (*National Tiger Conservation Action Plan - NTCAP*). Menerusi pelaksanaan Pelan Induk CFS dan NTCAP ini adalah diharapkan pengurusan kawasan hutan yang terlibat dapat diurus secara mampan dan hidupan liar, terutamanya harimau dilindungi dan terpelihara daripada ancaman kepupusan.

Sehingga kini para pakar menganggarkan bahawa terdapat 250 hingga 340 ekor Harimau Malaya di Semenanjung Malaysia berdasarkan survei yang telah dijalankan dari tahun 2010 sehingga 2013 melalui pemasangan perangkap kamera berpandukan protokol yang telah ditetapkan di tujuh lokasi yang merentasi tiga landskap utama iaitu Belum-Temengor (Perak), Taman Negara (Pahang, Terengganu, Kelantan) dan Endau-Rompin (Rompin).

Hasil kajian menunjukkan bahawa anggaran populasi semasa adalah kurang berbanding anggaran sebelum ini iaitu kewujudan sebanyak 500 ekor harimau di Semenanjung Malaysia. Namun demikian, lebih banyak lokasi yang masih perlu dikaji menerusi *1st National Tiger Survey* (*1st NTS*) di bawah Rancangan Malaysia ke 11 (2016-2020) untuk menentukan anggaran sebenar populasi Harimau Belang untuk Malaysia.

Jabatan Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain, gabungan NGO alam sekitar, dan agensi-agensi lain kini melaksanakan Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan (NTCAP) sebagai langkah proaktif dalam meningkatkan populasinya. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Perhilitan termasuklah:

- 120
- a) Mengukuhkan perundangan terhadap spesies harimau dalam Akta Perlindungan Hidupan Liar 2010 [Akta 716];
 - b) Melaksanakan moratorium terhadap spesies mangsa harimau seperti Rusa Sambar dan Kijang selama 5 tahun iaitu dari 1 November 2016 hingga 30 November 2021;
 - c) Meningkatkan rondaan penguatkuasaan di dalam dan luar Kawasan Perlindungan (PA) menerusi program 1MBEON dan operasi bersepadu dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan seperti KASTAM, PDRM dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia;
 - d) Memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia ke-11 bagi pelaksanaan aktiviti di bawah NTCAP;
 - e) Meningkatkan program kesedaran awam seperti pameran, ceramah, dialog bersama masyarakat menerusi Jabatan PERHILITAN serta kerjasama dengan pihak NGO berkaitan seperti *World Wide Fund Malaysia (WWF-M)*, *Wildlife Conservation Society Malaysia (WCS-M)*, *Malaysian Conservation Alliance for Tigers (MYCAT)* dan *Malaysian Nature Society (MNS)*; dan
 - f) Menyertai secara proaktif dalam forum dan seminar bagi membincangkan isu konservasi harimau diperingkat nasional dan global.

Sekian, terima kasih.

RT2/44

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
DARIPADA [JERANTUT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang memperkasakan peranan guru-guru kaunseling dalam menangani masalah disiplin dan tekanan perasaan yang dialami oleh pelajar

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan Inisiatif Piagam Guru 2018 bagi melatih dan meningkatkan kompetensi guru bimbingan dan kaunseling dalam menangani masalah disiplin dan tekanan perasaan yang dialami oleh murid.

KPM juga melaksanakan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan swasta seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia Lembaga Kaunselor Malaysia, Persatuan Kaunseling Antarabangsa Malaysia (PERKAMA) serta universiti bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan nilai profesionalisme ke arah

memperkasa peranan guru bimbingan dan kaunseling dalam usaha menangani masalah disiplin dan tekanan perasaan murid.

Bahagian Psikologi dan Kaunseling KPM juga akan menjadi pusat latihan kepada guru Bimbingan dan Kaunseling demi meningkatkan kompetensi dalam pengurusan emosi murid. Perkara tersebut akan memberi impak kepada warga organisasi KPM amnya dan murid khususnya.

RT3/45

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
DARIPADA [JERANTUT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah dasar atau intipati Penyata Rahman Talib, Penyata Murad dan Penyata Razak masih lagi diguna pakai dalam penentuan dasar dan halatuju Pendidikan Negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penentuan hala tuju pendidikan negara dan penggubalan sesuatu dasar pendidikan dibuat dengan mengambil kira perakuan serta syor yang dikemukakan melalui laporan, kajian dan penyata terdahulu termasuklah Penyata Razak (1956), Penyata Rahman Talib (1960), Laporan Murad (1973) dan Laporan Kabinet (1979).

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia turut melaksanakan pelbagai kajian dari semasa ke semasa serta meneliti perkembangan pendidikan terkini dalam dan luar negara untuk memastikan sistem pendidikan yang dilaksanakan adalah benar-benar berkualiti dan berupaya

menyediakan modal insan yang kompeten dan mampu bersaing di peringkat global.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 direalisasikan dengan mengambil kira kesemua penyata dan laporan terdahulu. PPPM 2013-2025 merupakan suatu dokumen penting dan terkini yang dijadikan sebagai asas hala tuju pendidikan negara. Dokumen tersebut memberikan fokus dalam pembangunan modal insan yang lengkap dengan ciri individu yang ingin dicapai seperti yang diaspirasikan oleh negara melalui pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan yang akan direalisasikan menjelang tahun 2025.

SOALAN (46)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

SOALAN :-

**YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta Menteri
Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan menyatakan apakah status pembinaan balai bomba baru di
Sibu Jaya dan siapakah kontraktor yang mendapat projek tersebut
serta bilakah pembinaan ini akan dijangka siap.**

126

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Balai Bomba Baharu Sibujaya diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sarawak selaku agensi pelaksana. **JKR Negeri Sarawak** telah selesai membuat **proses penilaian tender** pembinaan Balai Bomba Sibujaya. Walau bagaimanapun nama kontraktor tidak dapat dinyatakan sehingga **Surat Setuju Terima (SST)** dikeluarkan kepada **kontraktor yang berjaya**.

Sukacita dimaklumkan bahawa **kerja-kerja masuk tapak** dijangka bermula pada pertengahan **April 2018**. Tempoh pembinaan adalah selama **18 bulan** dan dijangka siap pada **akhir tahun 2019**.

Pada masa ini, kawasan Sibujaya mendapat **perlindungan kebombaian** dari **Balai Bomba dan Penyelamat Sibujaya** serta **Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Merah** dengan jarak lebih kurang **25 kilometer** ke

Sibu Jaya. Kedua-dua balai bomba ini dilengkapi **2 buah jentera bomba** dan keanggotaan seramai **40 hingga 60 orang**.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
DARIPADA [LANANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :

- (a)apakah sebab buku teks Tingkatan 2 sampai lewat di kebanyakan sekolah menengah di Sibu dan Sarawak walaupun sesi persekolahan telah bermula baru-baru ini; dan
- (b)apakah rancangan Kementerian untuk meringankan beban pelajar-pelajar sekolah yang perlu mengangkat beg sekolah yang amat berat ke sekolah setiap hari persekolahan terutama pelajar sekolah rendah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a)Secara keseluruhannya, sebahagian besar buku teks Tingkatan 2 telah sampai ke sekolah. Walau bagaimanapun, terdapat penerbit yang menghadapi masalah teknikal menyebabkan beberapa judul buku teks lewat sampai ke sekolah. Status terkini, semua buku teks telah selesai dibekalkan.

(b) Dapatan Kajian Berat Beg Murid Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menunjukkan sebanyak 72% berat beg disumbangkan oleh bahan-bahan lain seperti botol air, bekas makanan, alat tulis yang melebihi keperluan, buku latihan, buku kerja, buku komik, buku yang tidak mematuhi jadual, dan berat beg kosong itu sendiri. Manakala buku teks dan buku aktiviti KPM hanya menyumbang sebanyak 28% daripada keseluruhan berat beg tersebut.

Beberapa cadangan Pelan Komunikasi telah dikemukakan di peringkat kementerian. Antaranya adalah:

- i. Penguatkuasaan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) dan Surat Siaran sedia ada.
- ii. Garis Panduan untuk guru, ibu bapa, murid dan sekolah.
- iii. Memperkenalkan buku teks digital
- iv. Membuat hebahan melalui program KPM, media cetak, media elektronik dan media siber.
- v. Penggunaan teknologi terkini melalui Apps sebagai platform komunikasi untuk kegunaan sekolah, guru, ibu bapa dan murid.
- vi. Kolaboratif dengan agensi bukan kerajaan seperti Kesatuan Guru, PIBG dan Kesatuan Doktor Perubatan.
- vii. NBOS dengan kementerian/jabatan lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

SOALAN : 48

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-

- (a) jumlah aduan yang diterima oleh MAVCOM tentang harga tiket penerbangan yang tinggi terutama pada musim perayaan iaitu Tahun Baru Cina; dan; dan
- (b) apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah harga tiket penerbangan yang terlalu tinggi terutama tiket penerbangan dari Johor ke Sibul dan Kuala Lumpur ke Sibul pada Tahun Baru Cina dan musim perayaan.

JAWAPAN

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah menerima sebanyak enam (6) aduan berhubung harga tiket penerbangan yang tinggi semasa musim perayaan masing-masing empat (4) aduan pada tahun 2016 dan dua (2) aduan pada tahun 2017.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, pihak MAVCOM sedang melaksanakan kajian penetapan harga tambang yang dijangka akan selesai sebelum pertengahan tahun 2018.

Walau bagaimanapun, bagi perkhidmatan yang disediakan oleh MASwings ke semua laluan Perkhidmatan Luar Bandar, kadar tambang yang dikenakan adalah berdasarkan harga siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.